

Perkembangan Industri Pelancongan di Malaysia

Development of The Tourism Industry in Malaysia

Nurashikin binti Che Mohd Petri*

Sekolah Menengah Kebangsaan Saujana Impian, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

*email: Nurashikin binti Che Mohd Petri (email: Ashikinpetri05@gmail.com)

Received: 22 Okt 2025; Revised: 24 Nov 2025; Accepted: 15 Dis 2025; Published: 18 Dis 2025

To cite this article (APA): Che Mohd Petri, N. . (2025). Perkembangan Industri Pelancongan di Malaysia. *Munsi Jurnal Pengajian Sejarah*, 3(2), 16-39. <https://doi.org/10.37134/munsi.vol3.2.2.2025>

Abstrak

Kajian ini menilai perkembangan industri pelancongan yang merupakan salah satu penyumbang utama kepada perkembangan ekonomi negara Malaysia bermula dari tahun 1986 sehingga kini. Pengisytiharan dan penganjuran program Tahun Melawat Malaysia pada tahun 1990 dan 1994 adalah salah satu usaha terbesar pernah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memajukan industri pelancongan di negara Malaysia. Kesan perkembangan industri pelancongan turut dilihat melalui wujudnya penawaran peluang pekerjaan dan jumlah gunatenaga dalam bidang pelancongan kepada penduduk setempat. Metodologi yang digunakan adalah metodologi sejarah berasaskan pendekatan kualitatif. Sumber primer dan sekunder digunakan secara meluas dalam kajian ini dan dijadikan asas kepada keseluruhan perbincangan yang dikemukakan. Sumber primer terdiri daripada laporan rasmi serta akhbar yang kebanyakannya diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia. Manakala, sumber sekunder pula terdiri daripada buku, dan bahan dari laman sesawang. Hasil kajian menunjukkan pelancongan berkembang sepanjang tahun 1986 hingga 2000 ekoran daripada hubungan kerjasama dengan Singapura, penganjuran program Tahun Melawat Malaysia dan peranan sebagai tuan rumah kepada Persidangan Persatuan Pelancongan Pasifik (PATA) dan penambahan jaringan pengangkutan. Perkembangan industri pelancongan di Malaysia berjaya mengatasi masalah kemiskinan tegar dan masalah pengangguran di negara Malaysia. Pemahaman kepada sejarah perkembangan industri pelancongan pada tahun 1986 hingga 2000 memberikan gambaran ringkas kepada perkembangan sejarah ekonomi di Malaysia sepanjang tempoh kajian.

Kata kunci: Ekonomi Malaysia, Industri Pelancongan, Sejarah, Persidangan Persatuan Pelancongan Pasifik, Tahun Melawat Malaysia

Abstract

This study examines the development of the tourism industry, which is one of the main contributors to Malaysia's economic growth since 1986 to the present. The declaration and organisation of the Visit Malaysia Year 1990 and Visit Malaysia Year 1994 were among the largest initiatives undertaken by the government to promote the tourism industry in Malaysia in the period of this study. The impact of tourism development can also be seen in the creation of employment opportunities and increased labour participation in the tourism sector among the local population. The methodology employed in this study is a historical approach based on qualitative methods. Both primary and secondary sources are widely used and form the foundation of the overall discussion. Primary sources consist of official reports and newspapers, most of which were obtained from the National Archives of Malaysia. Secondary sources include books and materials from websites. The findings indicate that tourism developed steadily from 1986 to 2000 as a result of cooperation with Singapore, the organisation of the Visit Malaysia Year programmes, Malaysia's role as host of the Pacific Asia Travel Association (PATA) Conference, and the expansion of transportation networks. The development of the tourism industry in Malaysia also contributed to addressing issues of extreme poverty and unemployment in the country. An understanding of the historical development of the tourism industry from 1986 to 2000 provides a brief overview of Malaysia's economic development during the period under study.

Keywords: Economy of Malaysia, Tourism Industry, History, Pacific Asia Travel Association Conference, Visit Malaysia Year

Pengenalan

Industri pelancongan di Malaysia hari ini mencatatkan lonjakan jumlah pelancong yang ketara. Ia menunjukkan usaha pemerkasaan pelancongan yang dijalankan mencapai sasarannya dan ia memanfaatkan perkembangan ekonomi Malaysia. Makalah ini membincangkan perkembangan industri pelancongan di negara ini pada tahun 1986 hingga 2000 yang dianggap juga sebagai tempoh yang signifikan dalam sejarah pelancongan Malaysia. Perkembangan industri pelancongan melalui peningkatan dan penurunan kehadiran pelancong yang datang ke Malaysia sepanjang tempoh kajian akan diuraikan bagi menganalisis keberkesanan usaha kerajaan dalam memajukan industri pelancongan Malaysia di peringkat antarabangsa. Penelitian sejarah kepada perkembangan yang berlaku akan menyumbang kepada pelan pengukuhan pelancongan negara yang mampan berasaskan kepada sejarah jatuh bangun industri berkenaan di negara ini. Jelasnya, makalah ini memberikan gambaran yang berpotensi sebagai panduan strategik dalam memastikan industri pelancongan negara kekal berdaya saing dengan negara serantau dan destinasi pelancongan lain di dunia.

Pelancongan dalam Pentadbiran Malaysia

Malaysia mempunyai potensi yang besar dalam industri pelancongan. Pada tahun 1980-an, pelancongan disandarkan kepada keindahan alam semula jadi, iklim yang baik dan rangkaian bandar bersejarah di negara ini.¹ Kini, kerajaan melancarkan pelbagai jenis pelancongan seperti ekopelancongan, warisan dan budaya, agro pelancongan, pelancongan pendidikan, pelancongan kesihatan dan pelancongan pengembaraan dan santai. Ia dilakukan dengan menyemarakkan promosi pelancongan, menganjurkan acara dan festival serta sukan antrabangsa. Selain itu kerjasama antrabangsa dan usaha memperbaiki infrastruktur pelancongan juga dijalankan secara berterusan.²

Sejarah pelancongan di Malaysia bermula pada pertengahan kurun ke-19 apabila Tanah Melayu pada ketika itu mula menjadi tumpuan para pelabur dan peniaga daripada negara luar untuk datang berdagang dan melabur di Malaysia.³ Clara A. Gunn menyatakan bahawa sektor pelancongan di Malaysia mula bertapak sejak zaman kolonial British di Tanah Melayu lagi.⁴ Ini dibuktikan melalui pembukaan pusat peranginan seperti Cameron Highlands, Genting Highlands, Bukit Bendera dan Bukit Fraser. Perkara yang sama ditonjolkan dalam kajian Siti Zahrah et.al dalam kajian berhubung Bukit Maxwell di Taiping.⁵ Sejak Malaysia menyambut kemerdekaan negara pada tahun 1957, kerajaan mula mengiktiraf kedudukan pelancongan sebagai satu industri yang penting bagi negara ini. Saranan Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pada tahun 1959 adalah seperti berikut:⁶

Practically all Departments of Government can play a part in combined effort to encourage tourists to visit Malaya. Department directly in contact with visitor example Immigration, Customs and Police have a particularly important role especially in the creation of a good impression to visitors. Travel departments, for example, in ensuing a high standard of service to the travelling visitor.

¹ Kementerian Kewangan Malaysia, Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990, (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1986) 450.

² Strategi Kementerian Pelancongan Menarik Pelancongan ke Malaysia di capai atas talian <https://kementerianpelancongan.com/strategi-kementerian-pelancongan-menarik-pelancong-ke-malaysia/>

³ Khoo Kay Kim, *An Outline History of Culture of Tourism in Malaysia from Culture to Nature*, (Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1990) 145.; Nazirah Lee. et.al. 2021. Mukim Slim: Tapak pelancongan bersejarah di Perak. GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space 17 (2), 191-205

⁴ Clara A. Gunn, *Tourism Planning*, (Tesis Sarjana Muda Universiti Malaya, 1995) 46.; Muhamad Faris Dziauddin, Nazirah Lee, Muriza Mustafa.2012. Management in Maintaining A Heritage Site in the City of Ipoh, Perak. *Malaysian Journal of Environmental Management*.13(1),55-67

⁵ Siti Zahrah et. Al. 2024. Maxwell Hill: A European -Style Hill Station Tourism Destination in British Malaya. *JATI-Journal of Southeast Asian Studies* 29 (2).Hlm. 219-246

⁶ *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh Penggal Kedua, Jilid II No 12, 5 Januari 1961, 744.

Berdasarkan pernyataan di atas, kerajaan telah melibatkan pelbagai agensi seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Kementerian Dalam Negeri (Jabatan Imigresen), Kementerian Luar Bandar untuk sama-sama berperanan dalam sektor pelancongan ini.

Namun, industri pelancongan mula diberi perhatian lebih serius oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1960.⁷ Bahkan setahun sebelum itu, Jabatan Pelancongan Negara ditubuhkan bagi memangkin kegiatan pelancongan di negara ini.⁸ Namun begitu, pada era 60-an, sektor pelancongan negara masih belum menunjukkan perkembangan ekonomi, tumpuan kerajaan hanya kepada sektor hasil bumi seperti bijih timah dan getah.⁹ Sektor hasil bumi tersebut telah menyumbang sebanyak 45 peratus kepada Keluaran Negara Kasar pada tahun 1960-an.¹⁰

Walaupun begitu, industri pelancongan kembali mendapat perhatian dan mengalami perkembangan positif pada era tahun 70-an. Ketibaan pelancong melalui udara dan air ke Malaysia telah meningkat daripada 23000 orang pada tahun 1961 kepada 77000 orang pada tahun 1970 dengan purata kemasukan meningkat sebanyak 14.4 peratus.¹¹ Penambahan bilangan pelancong juga disebabkan tertubuhnya perbadanan Kemajuan pelancongan (TDC) pada tahun 1970-an. Tujuan utama penubuhannya adalah untuk menggalak dan menyelaraskan segala kegiatan yang berkaitan dengan pelancongan selari dengan wawasan dan aspirasi nasional.¹²

Peruntukan kerajaan kepada industri pelancongan bermula ketika peraksanaan Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975). Sejak itu kerajaan telah memberi peruntukan kepada sektor perlancongan dan jumlah berkenaan sentiasa bertambah dari masa ke masa. Jumlah peruntukan yang boleh dianggap sebagai gambaran kepada komitmen kerajaan untuk meningkatkan kedudukan peranan industri pelancongan dalam perkembangan ekonomi boleh dicerap daripada jumlah peruntukan yang diberikan dalam jadual berikut;

Jadual 1: Peruntukan Kerajaan untuk Pembangunan Pelancongan

Rancangan Lima Tahun	Peruntukan (Juta)
Rancangan Malaysia Pertama (1965-1970)	Tiada peruntukan
Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975)	RM 8.59
Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980)	RM 27.19
Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985)	RM 40.00
Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990)	RM 140.50

bersambung

⁷ Kementerian Kewangan Malaysia, Rancangan Malaysia Kelima 1986 - 1990, (Kuala Lumpur. Jabatan Percetakan Negara, 1986) 458.

⁸ Sulong Mohamad, Habibah Ahmad, *Pelancongan Malaysia: Isu pembangunan, budaya, komuniti dan Persempatan*, (Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2008) 45

⁹ Kementerian Kewangan Malaysia, Rancangan Malaysia Keempat 1981 - 1985, (Kuala Lumpur. Jabatan Percetakan Negara, 1986) 458.

¹⁰ Unit Perancang Ekonomi 1971, Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975, (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1971) 52.

¹¹ Habibah Lehar, *Ekonomi Malaysia: Pembangunan Ekonomi*, (Biroteks UITM Shah Alam, 1998) 66.

¹² Mohd Yusof Kasim, Md. Zyadi Md. Tahir, *Ekonomi Malaysia Beberapa Isu Utama Edisi Kedua*, (Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1994) 164.

Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995)	RM 533.90
Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000)	RM 605.50
Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005)	RM 1009.0

Sumber: Dipetik daripada Laporan Kerajaan Malaysia Tahun 2001 hingga 2006

Seterusnya, strategi dan pelancongan terbahagi kepada dua peringkat. Peringkat pertama adalah pembangunan pelancongan selepas kemerdekaan negara yang bermula dari tahun 1957, seterusnya peringkat yang kedua pula merujuk kepadat era pembangunan pelancong selepas tahun 1990 iaitu bermulanya kepentingan industri pelancongan kepada negara.¹³ Jadual 1 menunjukkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970) tiada peruntukan yang spesifik yang dikeluarkan oleh kerajaan dalam sektor pelancongan. Peruntukan yang spesifik untuk sektor pelancongan hanya mula dikeluarkan oleh kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) iaitu sebanyak RM8.5 juta.¹⁴ Rancangan Malaysia Kedua juga dianggarkan bahawa 170,000 pelancong asing akan melawat Malaysia pada tahun 1975, di mana berlaku peningkatan sebanyak 17 peratus dalam setahun diantara tahun 1971 hingga tahun 1975, berbanding dengan peningkatan sebanyak 13.7 peratus dalam Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970). Keadaan ini menunjukkan bahawa perubahan di dalam sektor pelancongan mula berlaku di dalam Rancangan Malaysia Kedua.

Dalam Rancangan Malaysia Kedua, kerajaan telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan untuk mencapai perpaduan nasional melalui pembasmian kemiskinan dan merapatkan jurang perbezaan antara kaum.¹⁵ Malahan di dalam tempoh yang sama iaitu pada tahun 1972, Malaysia telah menjadi tuan rumah untuk Persidangan Pelancongan Asia Pasifik (PATA). Penglibatan Malaysia di dalam persidangan ini telah mempromosikan sektor pelancongan Malaysia ke arena antrabangsa dan menyedarkan kerajaan terhadap kepentingan dan peluang ekonomi yang terdapat di dalam sektor pelancongan.

Ekoran itu, kerajaan telah menubuhkan *Tourist Development Corporation* (TDC) pada tahun 1972 yang bertujuan untuk melaksanakan dasar pembangunan pelancongan pertama negara yang lebih dikenali sebagai Pelan Pembangunan Pelancongan 1975.¹⁶ Pada tahun yang sama juga, kerajaan turut melakukan transformasi dengan menukar status lapangan terbang daripada domestik kepada antrabangsa, yang membawa kepada peningkatan bilangan pelancong antarabangsa.¹⁷ Kesannya, aktiviti memajukan industri pelancongan berjalan dengan lancar melalui peruntukan-peruntukan besar yang telah disediakan oleh pihak kerajaan dalam meningkatkan industri pelancongan di Malaysia.

¹³ Kementerian Kewangan Malaysia, Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000, (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1996) 530.

¹⁴ Kementerian Kewangan Malaysia, Rancangan Malaysia Kedua 1971-1976, (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1971) 164.

¹⁵ *Ibid*, 166.

¹⁶ Azizan Marzuki. "Tourism Development in Malaysia, A Review On Federal Government Policies", *Journal Theoretical and Empirical Reseaches in Urban Management*, v.5, no.8 (November, Academy of Economic Studies, 2010) 85-97.

¹⁷ *Ibid*, 87.

Kemudian sebanyak RM27.19 juta diperuntukkan untuk sektor pelancongan dalam Rancangan Malaysia Ketiga (RMK-3: 1976-1980) dengan peningkatan sebanyak RM18.6 juta berbanding dengan Rancangan Malaysia Kedua (RMK-2: 1971-1975). Perkembangan pembangunan pelancongan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga (RMK-3: 1976-1980), di mana hala tuju pelancongan lebih menjurus untuk mencapai matlamat pembangunan pelancongan sama ada di peringkat domestik mahupun di peringkat antarabangsa.¹⁸ Seterusnya, dalam RMK Ketiga ini juga, kerajaan turut menekankan kepada pembangunan industri pelancongan untuk menghasilkan pendapatan, mewujudkan pertambahan guna tenaga dalam perkhidmatan, memperbaiki taraf hidup rakyat serta mewujudkan peluang pekerjaan terutamanya dalam industri pelancongan seperti urus niaga runcit, pengangkutan dan pembekalan makanan serta lain-lain lagi.¹⁹ Situasi ini juga meningkatkan penyertaan orang Melayu serta Bumiputera dalam pembangunan pelancongan. Kesannya, aktiviti memajukan industri pelancongan pada RMK Ketiga (RMK-3 1976-1980), berjalan dengan lancar melalui peruntukan-peruntukan besar yang telah disediakan oleh pihak kerajaan dalam meningkatkan industri pelancongan di Malaysia.²⁰

Seterusnya, pada Rancangan Malaysia Keempat (RMK-4 1981-1985), kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM40.00 juta untuk industri pelancongan tersebut. Melalui peruntukan yang dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan ini, dapat menunjukkan bahawa kerajaan mula memberikan perhatian terhadap pembangunan industri pelancongan ini. Peningkatan peruntukan tersebut adalah disebabkan oleh usaha kerajaan dalam meningkatkan lagi promosi pelancongan negara kepada dunia secara agresif sehinggalah membawa kepada pelancaran Tahun Melawat Malaysia pada tahun 1990.²¹ Dalam usaha melancarkan kempen tersebut, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM683 juta untuk tujuan menaikkan taraf dan memperkembangkan kemudahan infrastruktur dalam industri ini.²²

Dalam Rancangan Malaysia Kelima (RMK-5 1986-1990), peruntukan oleh kerajaan bertambah sebanyak RM140.50 juta berbanding dengan peruntukan yang diberikan pada Rancangan Malaysia Keempat (RMK-4 1981-1985) iaitu sebanyak RM40.00 juta. Galakan kerajaan dalam bentuk kempen serta peruntukan yang lebih besar dilakukan dalam pembangunan pelancongan agar ianya memberi penekanan yang seimbang di pasaran luar negeri serta pasaran tempatan.

¹⁸ A.N.A. Anuar & A. Habibah, *Dasar pelancongan di Malaysia: Ke Arah Destinasi Mesra pelancong*, (Selangor: Universiti Teknologi MARA Shah Alam, 2012) 78.

¹⁹ A.N.A. Anuar & A. Habibah, *Dasar pelancongan di Malaysia: Ke Arah Destinasi Mesra pelancong*, (Selangor: Universiti Teknologi MARA Shah Alam, 2012) 79.

²⁰ Kementerian Kewangan Malaysia. Rancangan Malaysia Kedua 1971-1976. (Kuala Lumpur: Jabatan percetakan Negara. 1971) 165.

²¹ Azizan Marzuki, "Tourism Development in Malaysia. A Review On Federal Government Policies", *Journal Theoretical and Empirical Reseaches in Urban Management*, v.5, no.8 (November, Academy of Economic Studies, 2010) 93.

²² Kementerian Kewangan Malaysia, Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005, (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 2001) 475.

Galakan yang seimbang di pasaran luar negeri serta pasaran tempatan diperlukan agar dapat menarik pelaburan yang tinggi dan seterusnya membasmi kemiskinan, memperbaiki taraf dan kualiti hidup rakyat, membuka peluang pekerjaan serta menyusun semula masyarakat.²³

Di samping itu, satu lagi penekanan dalam RMK Kelima (RMK-5 1986-1990) adalah kerajaan juga telah menyediakan kemudahan cara kemasukan pelancong serta membangunkan destinasi pelancongan terpilih agar ianya menjadi tarikan utama serta sebagai destinasi utama pelancongan negara seperti pemilihan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kota Bharu serta Kuching.²⁴ Justeru, melalui peruntukan yang telah disediakan oleh kerajaan pada RMK Kelima (RMK-5 1986-1990) ini, maka pelbagai usaha-usaha telah dapat dilakukan untuk memajukan industri pelancongan di Malaysia.

Pada Rancangan Malaysia Keenam (RMK-6 1991-1995), peruntukan terhadap sektor telah meningkat sebanyak tiga kali ganda iaitu sebanyak RM393.4 juta daripada RM140.40 juta pada Rancangan Malaysia Kelima (RMK-5 1986-1990) kepada RM533.90 juta pada Rancangan Malaysia Keenam (RMK-6 1991-1995). Peruntukan yang besar adalah untuk melaksanakan beberapa projek pelancongan yang dirancang dalam RMK keenam seperti promosi, galakan pelancongan seperti pelancaran program Tahun Melawat Malaysia yang diadakan pada tahun 1994.²⁵

Selain itu dalam RMK Keenam ini juga, kerajaan pusat telah menyalurkan peruntukan dana khas kepada Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) sebanyak RM521.5 juta bertujuan untuk (1991-1995) pelaksanaan projek-projek pembangunan infrastruktur asas, mempertingkatkan pembangunan kemudahan pelancong, penginapan dan menggalakkan pembangunan kemudahan dan perdagangan.²⁶ Kesannya, aktiviti memajukan industri pelancongan berjalan dengan lancar melalui peruntukan-peruntukan besar yang telah disediakan oleh pihak kerajaan dalam meningkatkan industri pelancongan di Malaysia. Buktinya, pada Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990) dan Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995) melaporkan bahawa ketibaan pelancong meningkat daripada 22.5 juta kepada 33.5 juta pelancong.²⁷ Selain itu, pendapatan negara juga bertambah daripada 12.8 billion kepada 31.2 billion dari tahun 1986 hingga 1990.²⁸

²³ Kementerian Kewangan Malaysia, Rancangan Malaysia Kesepuluh 2010-2015, (Kuala Lumpur: Jabatan percetakan Negara, 2010) 370.

²⁴ *Ibid*, 378.

²⁵ Kementerian Kewangan Malaysia, Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995 (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1991) 178.

²⁶ Kementerian Kewangan Malaysia, Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000, (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1996) 366.

²⁷ Kementerian Kewangan Malaysia, Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995, (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1991) 132.

²⁸ Azizan Marzuki, "Tourism Development in Malaysia, A Review On Federal Government Policies", *Journal Theoretical and Empirical Reseaches in Urban Management*, v.5, no.8 (November, Academy of Economic Studies, 2010.) 93.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000) pula, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM 605.50 juta untuk sektor pelancongan dengan objektif untuk menarik seramai 12.5 juta pelancong asing dengan jumlah pertukaran mata wang asing sebanyak RM15.7 bilion. Walaupun begitu, kehadiran pelancong yang melancong ke Malaysia pada tahun 1997 dilihat berkurangan kerana berlakunya kejadian banjir, penularan Virus Nipah, Taun, krisis ekonomi dan sebagainya. Namun, industri pelancongan masih dapat dikawal dengan tindakan pantas oleh kerajaan untuk membantu memulihkan industri pelancongan ini ialah dengan mengadakan pelancongan domestik.²⁹ Selain itu, sejumlah RM5 juta juga telah diperuntukkan kepada kerajaan Selangor dalam menganjurkan kempen “Tahun Melawat Selangor “(TMS 2000) pada 2 Jun 1999 bagi tujuan mempromosikan pelancongan dari dalam dan luar negara. pada Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005), kerajaan telah memberikan peruntukan sebanyak RM1009.0 juta untuk industri pelancongan. Bagi RMK Kelapan (2001-2005), strategi kerajaan pula adalah untuk memberi tumpuan terhadap kombinasi program yang boleh memaksimumkan pulangan kepada industri pelancongan dan ekonomi. RMK Kelapan merupakan satu tempoh yang paling positif kerana tempoh ini telah memperlihatkan kematangan dan keyakinan Malaysia untuk berfungsi sebagai sebuah hub pelancongan yang terkenal.³⁰

Kesimpulannya, kerajaan Malaysia memberikan sumbangan yang besar dalam membangunkan industri pelancongan di negara Malaysia. Ini terbukti dengan peningkatan peruntukan yang telah disediakan oleh kerajaan bermula dari Rancangan Malaysia Kedua (1971- 1970) sehingga kini untuk melancarkan program-program dan memperbanyakkan kemudahan infrastruktur dan lain-lain bagi memajukan industri pelancongan di Malaysia, setaraf dengan negara-negara maju.

Perkembangan Pelancongan 1970-2000

Industri pelancongan pada tahun 1970-an memulakan sejarah kegemilangannya pada bulan April 1972. Ketika itu, Malaysia dipilih menjadi tuan rumah bagi Persidangan ke-21 Persatuan Pengembaraan Asia Pasifik (PATA).³¹ Persidangan ini sangat penting kerana ia menjadi pemangkin kepada kemunculan tahap pembangunan pelancongan di Malaysia. Hal demikian kerana, ia mendorong pelancongan diterima sebagai salah satu sektor utama dalam pembangunan negara. *A report of the Advisor Panel on Tourism Development in Malaysia* (1976) menyatakan:³²

Although it was known to exist in pre-war Malaya, it can be said that tourism to have achieved a meaningful status only after the PATA conference which was held in Malaysia in 1972.

²⁹ Kementerian Kewangan Malaysia, Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000, (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1996) 544.

³⁰ Amran Hamzah, “Policy and Planning of the Tourism in Malaysia.” Proceedings The 6th ADRF (Asian Development Research Forum, General Meeting, Bangkok Thailand, 2001) 1-21.

³¹ *Laporan Ekonomi 1989/90*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia, 1989) 148.

³² *Laporan Panel Penasihat Pembangunan Pelancongan di Malaysia, 1976*, 38.

Melalui persidangan tersebut, kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC) pada Ogos 1972. Ia merupakan sebuah perbadanan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi menggantikan DOT 1959 yang hanyalah sebuah jabatan yang kecil. Penubuhan TDC adalah bertujuan untuk memberi tumpuan kepada kegiatan penggalakkan dan pemasaran pelancongan Malaysia.³³ Melalui laporan ekonomi 1989 hingga 1990, dengan tertubuhnya TDC pada tahun 1972, jumlah kedatangan pelancong, pendapatan tukaran wang asing dan kemudahan penginapan dan pelancongan semakin berkembang. Hasilnya, kedatangan pelancong telah meningkat daripada 1.2 juta kepada 3.4 juta, iaitu bertambah pada kadar purata tahunan sebanyak 7.1 peratus di antara tahun 1972 hingga tahun 1987.³⁴

Selain itu, pendapatan tukaran wang asing juga bertambah daripada \$266 juta pada tahun 1972 kepada \$1.8 ribu juta pada tahun 1987, iaitu bertambah pada kadar purata tahunan sebanyak 13.6 peratus.³⁵ Jumlah wang tersebut datang daripada pelancong luar negara. Jadual berikut menunjukkan jumlah ketibaan pelancong yang datang melancong ke Malaysia dari tahun 1974 hingga 2000 serta hasil pendapatan negara melalui aktiviti pelancongan ini.³⁶

Jadual 2 menunjukkan jumlah ketibaan pelancong dari dalam mahupun luar negara ke negara Malaysia dan jumlah pendapatan ekonomi Malaysia bermula dari tahun 1974 hingga 2000. Antara negara ASEAN yang menjadi penyumbang utama kepada kehadiran pelancong di Malaysia adalah negara Singapura dan diikuti oleh Thailand.³⁷

Jadual 2: Data Ketibaan dan Pendapatan Pelancong- Malaysia pada tahun 1974 hingga 2000

Tahun	Ketibaan Pelancong (Bilangan)	Jumlah Pendapatan (Juta)
1974	1165270	353.9
1975	1461603	389.5
1976	1451441	175.2
1977	1546866	414.3
1978	1880646	450.3
1979	2039154	495.0
1980	2067020	618.9
1981	2533104	1001
1982	2774498	1132
1983	2926550	1329
1984	2947314	1426
1985	3109106	1543.1
1986	3217462	1669.2
1987	3358983	1795.1

bersambung

³³ *Laporan Ekonomi 1989/90*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia, 1989) 148-149.

³⁴ *Ibid*, 148.

³⁵ *Ibid*, 149.

³⁶ *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Kedua, Jilid II Bil 3. 10 Mac 1988, 502.

³⁷ *Laporan Ekonomi 1989/90*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia, 1989) 149.

1988	3623636	2011.7
1989	4846320	2802.7
1990	7445908	4500.0
1991	5846213	4300.0
1992	6016209	4595.4
1993	6503860	5065.8
1994	7197229	8298.3
1995	7468749	9174.9
1996	7138452	10354
1997	6210921	9174.9
1998	5550700	8580
1999	7931100	12321
2000	10221600	17335

Sumber: Dipetik daripada Laporan Tahunan Perangkaan Pelancongan

Pada tahun 1984, Kerajaan telah mengisytiharkan pelancongan sebagai industri yang diutamakan memandangkan potensinya yang besar untuk dimajukan kerana banyak pusat-pusat pelancongan telah dibuka kepada masyarakat untuk dikunjungi, wujudnya kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti bas, teksi, kapal terbang untuk mengangkut penumpang untuk ke destinasi yang ingin dituju dan sebagainya. Seterusnya, semenjak tahun 1986, penerimaan oleh sektor pelancongan merupakan kira-kira satu perempat daripada jumlah terimaan oleh sektor perkhidmatan. Tambahan, pada bulan Mei 1987, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan telah ditubuhkan bagi menyelaraskan pembangunan keseluruhan industri pelancongan di negara Malaysia.³⁸

Pada tahun 1988 kedatangan pelancong di Malaysia dilihat semakin meningkat menjadi 3.6 juta orang.³⁹ Dalam tempoh antara 1980 hingga 1988, Malaysia sentiasa mencatatkan jumlah kedatangan pelancong yang hampir sama dengan jumlah pelancong ke Singapura dan Negara Thailand. Para pelancong yang datang ke Malaysia kebanyakannya berhasrat untuk beristirehat serta melawat saudara mara dan sahabat handai. Sebahagian besarnya, iaitu sebanyak 75 peratus datang melalui jalan raya.⁴⁰ Walaupun jumlah kedatangan pelancong ke Malaysia meningkat pada tahun 1980 hingga tahun 1988, namun kadar pendapatan daripada pertukaran mata wang asing adalah rendah.⁴¹

Pendapatan pertukaran wang asing yang rendah ini adalah disebabkan oleh ciri utama pelancong yang datang ke Malaysia yang kebanyakannya adalah daripada rantau ini. Kira-kira 75 peratus kedatangan pelancong adalah dari rantau ASEAN.⁴² Tambahan, pelancong dari Singapura merupakan punca terbesar kedatangan pelancong ke Malaysia. Pada tahun 1988, pelancong Singapura yang melancong menggunakan jalan raya cuma tinggal sekejap sahaja dengan saudara mara dan sahabat handai.

³⁸ Laporan Ekonomi 1989/90, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia.1990) 149.

³⁹ *Laporan Tahunan Perangkaan Pelancongan. 1990.* 123.

⁴⁰ *Laporan Ekonomi 1989/90*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia. 1990) 149.

⁴¹ *Ibid*, 149.

⁴² *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat. Parlimen Ketujuh, Penggal Kedua, Jilid II Bil 3. 10 Mac 1988, 436.

Kedatangan mereka ke Malaysia adalah 90 peratus daripada kedatangan pelancong ASEAN dan 70 peratus daripada semua kedatangan pelancong ke Malaysia.⁴³ Justeru, pelancongan mereka di Malaysia tidak memerlukan tempat penginapan, pengangkutan sepanjang melancong di Malaysia.

Perkembangan industri pelancongan Malaysia dapat dilihat apabila berlaku pertambahan jumlah kehadiran pelancong pada tahun 1990. Pada tahun tersebut kerajaan telah menganjurkan kempen Tahun Melawat Malaysia (TMM) 90 dan Pesta Malaysia.⁴⁴ Kempen Tahun Melawat Malaysia 90 ternyata telah berjaya meningkatkan kedatangan pelancong apabila dapat menarik sejumlah enam juta pelancong dengan pendapatan sebanyak RM 4473 juta berbanding dengan 3.1 juta pelancong dengan jumlah pendapatan sebanyak RM1543 juta pada tahun 1985.⁴⁵

Berikutan dengan berkuatkuasanya Akta Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia 1992 dan Akta Industri Pelancongan 1992, Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC) telah diperkenalkan sebagai Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia (LPPM) atau *Tourism Malaysia* yang dikuatkuasakan mulai Mei 1992. Objektif utama LPPM ialah untuk meningkatkan ketibaan pelancong asing dan meningkatkan purata tempoh lawatan para pelancong. Akta baru ini adalah disesuaikan dengan fungsi dan aktiviti badan ini yang telah banyak berubah sejak penubuhannya dalam tahun 1972.⁴⁶ Selain itu, dengan terlaksananya kempen TMM, timbul kesedaran yang tinggi dan pengiktirafan di kalangan pelancong asing dan pelancong perniagaan tentang Malaysia yang menjadi destinasi pelancongan utama serta tempat yang menarik bagi pelaburan asing di negara ini. Meskipun negara Malaysia menghadapi kesan jangka pendek hingga jangka sederhana akibat kelembapan ekonomi dunia dan scenario selepas Perang Teluk, penekanan kerajaan yang berterusan terhadap pelancongan dan daya tahan ekonomi tempatan merupakan petanda baik bagi pertumbuhan jangka panjang industri pelancongan di Malaysia.⁴⁷

Walaupun jumlah kedatangan pelancong menurun pada tahun 1991, namun selepas ditubuhkan Akta Lembaga Penggalakan Pelancong Malaysia (MTPM) yang lebih dikenali sebagai “Pelancongan Malaysia”.⁴⁸ Melalui penubuhan MTPM ini, ia telah menerajui kegiatan pemasaran dan promosi untuk meletakkan nama Malaysia di peta pelancongan. Akta ini berjaya membawa nama Malaysia apabila kedatangan pelancong telah meningkat pada tahun 1992 dan 1993.⁴⁹ Ia dibuktikan apabila sektor ini mengalami pemulihan yang positif apabila kedatangan pelancong masing-masing berjumlah 6016209 orang pelancong dan 6503860 orang pelancong iaitu berlaku pertumbuhan sebanyak 7.3 peratus dan 8.1

⁴³ *Laporan Ekonomi 1989/90*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia, 1990) 150.

⁴⁴ Kementerian Kewangan Malaysia, *Rancangan Malaysia Kelima 1989-1990*, (Kuala Lumpur: Jabatan percetakan Negara, 1989) 453.

⁴⁵ Kementerian Kewangan Malaysia, *Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000*. (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1996) 540.

⁴⁶ *Sejarah Pentabiran Kementerian Lembaga Penggalakan Pelancongan*. Arkib Negara Malaysia, 1992, 23.

⁴⁷ *Ibid*, 25.

⁴⁸ *Laporan Penggalakan Pelancongan Malaysia, 1990*. 130

⁴⁹ Kementerian Kewangan Malaysia. *Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000*. (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1996) 536.

peratus.⁵⁰ Kempen Tahun Melawat Malaysia diteruskan oleh kerajaan dengan menganjurkan kempen Tahun Melawat Malaysia kedua pada tahun 1994. Melalui kempen ini, ia berjaya meningkatkan daya tarikan Malaysia ke pasaran antarabangsa.⁵¹ Temanya ialah “Lebih Menarik dalam 94”.⁵² Seterusnya, kempen ini telah dilancarkan oleh Dato’ Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 31 Disember 1993. Kempen ini berkonsepkan persembahan pelbagai festival dan acara-acara yang berkaitan dengan budaya, seni, kraftangan, perayaan, kebangsaan, pameran, sukan dan keunikan Malaysia.⁵³

Selain itu, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia juga telah menganjurkan Karnival Membeli Belah ’94 pada 16-30 Oktober 1994 yang berlangsung serentak di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bharu dengan tema “Sesuat untuk Semua” yang telah menonjolkan Malaysia sebagai sebuah destinasi membeli-belah yang menawarkan kepelbagaian barangan yang bermutu dan memberi nilai untuk wang.⁵⁴ Dengan mengadakan Tahun Melawat Malaysia dan Karnival Membeli-belah pada tahun tersebut, ia telah menjadikan tahun 1994 sebagai tahun yang menggalakkan bagi industri pelancongan di Malaysia. Selain itu, kedatangan pelancong ke Malaysia juga semakin meningkat iaitu seramai 1165786 pelancong berbanding tahun 1993 iaitu seramai 956890 pelancong.

Pada tahun 1995, prestasi industri pelancongan meningkat dengan kadar sederhana berbanding tahun sebelumnya.⁵⁵ Pertumbuhan yang sederhana ekoran daripada tertubuhnya kempen promosi mengikut destinasi pelancongan yang mula dilaksanakan oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia pada tahun tersebut. Sebelum itu, kempen promosi hanya dibuat dengan menonjolkan Malaysia secara keseluruhannya, tetapi pada tahun 1990 dan 1994, iaitu sempena “Tahun Melawat Malaysia”, penekanan dan fokus telah diberikan terhadap keistimewaan acara-acara tertentu tetapi masih merangkumi kesemua negeri di Malaysia.⁵⁶ Seterusnya, penganjuran Pesta Malaysia 1995 telah melibatkan hampir semua hotel dan pusat membeli-belah utama menerusi promosi dan kebudayaan.⁵⁷ Institut pelancongan pada tahun 1995 telah mencatat jumlah ketibaan pelancong sebanyak 7.4 juta dengan jumlah penerimaan sebanyak RM9200 juta.⁵⁸

⁵⁰ *Laporan Penggalakan Pelancongan Malaysia. 1990. 134.*

⁵¹ Kementerian Kewangan Malaysia. *Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000*, (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1996) 539.

⁵² Buku Rasmi Tahunan Malaysia, 1995, Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia, jilid 26, 188.

⁵³ Idris Hamzah (editor), *Berita Pelancongan Malaysia*. (Kuala Lumpur: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Bil 66. Feb/Mac 1994) 4.

⁵⁴ Kementerian Kewangan Malaysia, *Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990* (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1986) 395.

⁵⁵ *Laporan Penggalakan Pelancongan Malaysia 1990*, 136.

⁵⁶ *Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan dan Penggalakan Pelancongan Kebangsaan*. Bil 2/97, 1997, 1.

⁵⁷ Kementerian Kewangan Malaysia, *Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000*, (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1996) 537.

⁵⁸ Idris Hamzah (editor). *Julai – Ogos 1995, “Pesta Malaysia 95 dalam Pelancongan Malaysia*, Kuala Lumpur: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, 14.

Usaha kerajaan menurunkan duti import pelbagai barangan pengguna yang merangkumi pakaian, barangan kemas dan wangian, peralatan elektronik, barangan sukan dan hiasan rumah telah menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan membeli-belah pelancong lebih kepada tiga kali ganda iaitu daripada RM751.5 juta pada tahun 1990 kepada RM2463 juta pada tahun 1995.⁵⁹ Di samping itu, acara-acara khas telah diadakan seperti Pesta Bunga, Pesta Malaysia, Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) dan Pertandingan Golf antara Pasukan Antarabangsa Malaysia.⁶⁰

Pada tahun 1997 dan 1998, negara Malaysia telah mengalami beberapa masalah secara serentak dan berlakunya penularan wabak-wabak berbahaya seperti Taun, virus Cocksackie, virus JE dan nipah serta keadaan jerebu yang menjejaskan kesihatan. Ini ditambah pula dengan kegawatan ekonomi yang berlaku pada bulan Julai 1997 yang turut mendorong kepada kejatuhan dalam bilangan ketibaan pelancong-pelancong ke negara ini.⁶¹

Akibat daripada faktor-faktor tersebut, maka kemerosotan perniagaan telah berlaku kepada agensi pelancongan, penerbangan Malaysia dan industri perhotelan. Penurunan ketibaan bilangan pelancong juga telah menjejaskan perusahaan runcit, restoran serta pengusaha-pengusaha pengangkutan yang mempunyai kaitan langsung dengan sektor pelancongan. Bilangan ketibaan pelancong susut daripada 7138452 pelancong pada tahun 1996 kepada 6210921 pelancong pada tahun 1997.⁶² Manakala jumlah pendapatan juga susut daripada RM10.35 bilion pada tahun 1996 kepada 9.7 billion pada tahun 1997 dan keadaan ini berlarutan sehingga tahun 1998. Jumlah ketibaan pelancong pada tahun 1998 ialah 6.8 juta orang dan jumlah pendapatan pula ialah RM11.8 billion.⁶³

Kesan kemerosotan prestasi industri pelancongan yang diakibatkan oleh semua faktor yang dinyatakan di atas telah mendorong pihak Kerajaan untuk menyusun semula strategi bagi memulihkan industri ini. Salah satu langkah yang dicadangkan di dalam Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) untuk membantu memulihkan industri ini ialah dengan menggalakkan pelancongan domestik di samping memperomosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kepada pasaran yang strategik seperti Australia, Hong Kong, Taiwan, China, Eropah, Amerika Syarikat serta negara-negara Timur Tengah.⁶⁴

Tambahan, sebagai langkah dalam menggalakkan pembangunan pelancongan domestik ini, kerajaan telah menawarkan beberapa inisiatif seperti pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diperolehi daripada pengendalian pakej pelancongan tempatan yang disertai oleh sekurang-kurangnya 1200 orang pelancong tempatan setahun dan pakej yang membawa masuk sekurang-kurangnya 500 pelancong asing setahun melalui lawatan berkumpulan. Selain itu, langkah kedua ialah dengan mengisytiharkan cuti pada hari Sabtu

⁵⁹ Kementerian Kewangan Malaysia. Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000, (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1996) 540.

⁶⁰ *Ibid*, 540-541.

⁶¹ *Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia*. 1990. 345.

⁶² Kementerian Kewangan Malaysia, Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000, (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1996) 148.

⁶³ Kementerian Kewangan Malaysia, Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000, (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1996) 543.

⁶⁴ *Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia*. 1990, 346.

pertama dan ketiga setiap bulan kepada kakitangan sektor awam. Di samping itu, kerajaan juga telah mengadakan kempen “Karnival Jualan Mega Malaysia” sebanyak tiga kali dalam setahun pada bulan Mac, Ogos dan Disember.⁶⁵ Melalui strategi yang telah dijalankan oleh kerajaan ini, maka impaknya ialah pelancongan domestik menjadi bertambah penting jika dibandingkan dengan pelancongan rekreasi ke Luar Negara. Buktinya sehingga bulan September 2000, sejumlah 18.9 juta penginap dilaporkan menginap di hotel-hotel di negara ini, di mana 51.3 peratus (9.7 juta) adalah daripada pelancong tempatan manakala bakinya sebanyak 48.7 peratus (9.2 juta) adalah daripada pelancong asing.⁶⁶

Selain itu, sektor pelancongan juga berjaya mara ke hadapan melalui penganjuran sukan bertaraf dunia. Kejohanan perlumbaan kereta *Formula One* di litar Sepang dan Sukan Komanwel yang dilakukan pada tahun 1998 telah berjaya mempopularkan Malaysia di kalangan peminat sukan dunia. Malaysia dapat mempromosikan pelancongan sukan dengan kos yang minima melalui siaran langsung ke seluruh dunia. Ia secara langsung telah menggalakkan lagi kedatangan pelancong asing ke negara kita pada tahun tersebut. Oleh itu, secara ringkasnya dapatlah disimpulkan bahawa sewaktu negara sedang mengalami krisis ekonomi, industri pelancongan masih mampu menjadi di antara penyumbang utama kepada pendapatan negara. Fenomena ini dirujuk sebagai ciri kekebalan industri terhadap perubahan iklim ekonomi negara.

Seterusnya, ketibaan pelancong pada tahun 1999 dilihat mula meningkat apabila tema *Malaysia Truly Asia* telah dilancarkan. Pelancarannya adalah sebagai tema induk bagi menonjolkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama di rantau ini. Tambahan, Tourism Malaysia telah berjaya membuka empat pejabat baru pada tahun 2000 di Dubai, Jeddah, New Delhi dan Phuket.⁶⁷ Justeru, jumlah ketibaan pelancong pada tahun 2000 telah meningkat iaitu sebanyak 10221 juta dengan jumlah pendapatan sebanyak RM18756.7 juta.

Kesimpulannya, jumlah kehadiran pelancong domestik dan luar bandar memperlihatkan peningkatan bermula dari tahun 1986 hingga 2000. Walaupun Malaysia mengalami masalah seperti jerebu, virus nipah dan kemelesetan ekonomi pada tahun 1997, namun kehadiran pelancong dilihat meningkat, tetapi pada kadar yang perlahan.⁶⁸ Namun, pihak kerajaan berjaya mengatasi masalah ini dan jumlah kedatangan pelancong pada tahun 1999 dan 2000 kembali bertambah.

⁶⁵ *Ibid*, 346-347.

⁶⁶ *Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia*. 1990, 346.

⁶⁷ Kementerian Kewangan Malaysia, *Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005*, (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 2001) 473.

⁶⁸ *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Kedua, Jilid II Bil 3. 10 Mac 1998. 440.

Usaha Memajukan Industri Pelancongan di Malaysia

Atas keyakinan bahawa Malaysia mempunyai potensi yang besar dalam bidang pelancongan pelbagai inisiatif yang efisien telah diambil oleh pihak kerajaan untuk memajukan industri pelancongan tanah air kita setaraf dengan negara yang lain dalam tempoh kajian ini. Antara usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan ialah, mengadakan hubungan kerjasama dengan negara luar seperti Singapura, menjadi tuan rumah kepada Persidangan Persatuan Pelancongan Pasifik (PATA), menganjurkan program Tahun Melawat Malaysia 1990 dan 1994, menambah kemudahan infrastruktur dan sebagainya.⁶⁹ Kesannya, jumlah kehadiran pelancong semakin meningkat saban tahun. Sebagai contoh, program Tahun Melawat Malaysia pada tahun 1990 telah berjaya meraih kedatangan pelancong seramai 7445908 juta pelancong pada tahun 1990 berbanding dengan seramai 4846320 juta pelancong pada tahun 1989.⁷⁰ Justeru, di dalam usaha mempromosikan industri pelancongan negara. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM683 juta untuk tujuan menaikkan taraf dan memperkembangkan kemudahan infrastruktur dalam industri ini.⁷¹

Hubungan Kerjasama dengan Singapura

Hubungan dan kerjasama dengan Singapura di dalam bidang pelancongan dilihat sangat penting bagi memacu kepesatan perkembangan ekonomi bagi kedua-dua buah negara tersebut.⁷² Selain itu, menurut Encik Abdullah Jonid selaku Timbalan Menteri Perbadanan Pelancongan Malaysia (TDC), Malaysia memilih untuk mengadakan hubungan kerjasama dengan Singapura kerana negara berkenaan dianggap sebagai salah satu pintu masuk utama pelancong ke Malaysia.⁷³ Melalui hubungan kerjasama yang dijalinan di antara Malaysia-Singapura ini, bilangan pelancong Singapura adalah penyumbang terbesar pelancong ke Malaysia, dengan sumbangannya adalah sebanyak 63.5 peratus atau 3629960 orang pelancong pada sehingga tahun 1994.⁷⁴

Antara usaha yang dilakukan untuk menarik minat pelancong Singapura ke Malaysia ialah dengan mengadakan Ekspo Pelancongan atau lebih dikenali sebagai “Percutian di Malaysia” yang bertempat di Hotel Hyatt, Singapura.⁷⁵ Ekspo pelancongan ini merupakan ekspo yang paling terbesar pernah dianjurkan oleh negara Malaysia di luar negara. Program “Percutian ke Malaysia” ini berjaya menghimpunkan kepelbagaian industri kraftangan dari seluruh negeri, pertunjukkan kebudayaan dan kepelbagaian makanan.⁷⁶

⁶⁹ *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III Bil 16. 20 Jun 1989, 1667.

⁷⁰ *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat. Parlimen Kelapan, Penggal Pertama, Jilid I Bil 18. 8 Jan 1991, 2630.

⁷¹ *Ibid*, 475.

⁷² Berita Harian, *Pelancongan Malaysia, Singapura akan terus kerjasama*, 15 November 1983.

⁷³ Berita Harian, *Firma urus pelancong ke Malaysia*, 20 May 1985, 3.

⁷⁴ *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat. Parlimen Ketujuh, Penggal Kedua, Jilid II Bil.3. 10 Mac 1988, 437.

⁷⁵ Berita Harian, *Pelancongan Malaysia Singapura Akan Terus Kerjasama*, 15 November 1983, 2.

⁷⁶ Berita Harian, *Usaha Singapura-KL Tarik pelancong AS*. 1 Julai 1987, 10.

Selain itu, para penari Iban dari Sarawak dan Kadazan dari Sabah untuk kali pertamanya telah membuat persembahan tarian - tarian tradisi mereka di Singapura. Misalnya, Sabah telah mempersembahkan “Tarian Sumazau” yang biasa ditarikan oleh petani-petani di Kadazan dalam upacara untuk menerima Bambazon-semangat beras yang mereka percaya berada dalam rumah mereka dalam program tersebut.⁷⁷

Di samping persembahan kebudayaan, seramai 20 penjaja terbaik dari Kuala Lumpur dan Pulau Pinang juga telah turut mengidangkan masakan mereka di seminar tersebut. Kepelbagaian makanan dari serata negeri telah dipersembahkan kepada bakal pelancong. Ia boleh dianggap sebagai salah satu usaha awal untuk menarik pelancong melalui pelancongan gastronomi. Justeru, kesan daripada upacara persembahan tarian ini, maka ia dapat memberikan peluang kepada masyarakat negara Singapura untuk turut mengenali adat dan budaya etnik masyarakat Sabah dan Sarawak. Gastronomi pula menarik minat peminatnya yang tersendiri yang cenderung kepada makanan dan kulinari.

Hubungan kerjasama Malaysia dengan Singapura dalam bidang pelancongan dilihat apabila wujudnya perkhidmatan penerbangan Singapura ke Kuantan yang telah disediakan oleh Syarikat Penerbangan Singapura (SIA) dengan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) yang bertapak di Malaysia. Melalui kerjasama di dalam bidang penerbangan ini, perjalanan pelancong akan menjadi lebih cepat sekiranya mereka ingin melancong ke Pantai Timur, berbanding daripada memilih untuk menggunakan laluan lebuhraya. Pada tahun 1985, seramai 15000 orang pelancong Singapura melawat negeri Kelantan dan jumlah ini telah meningkat kepada 20000 pada tahun 1986.⁷⁸ Menurut Encik Wan Mahmood Ibrahim selaku Pengurus Pelancongan di Pusat Penerangan Pelancongan, Bahagian Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Kelantan (KSEDC), “sebahagian pelancong dari Singapura yang melawat Kelantan bertujuan untuk melihat dari dekat berbagai kegiatan budaya dan seni menenun kain songket yang popular itu”.⁷⁹

Di Kelantan, pengunjung akan dipersembahkan dengan pertunjukkan kebudayaan Melayu yang akan diadakan dua kali seminggu di Gelanggang Seni di Kota Bharu.⁸⁰ Dalam persembahan itu, pertunjukkan Rebana ubi yang mempunyai 46 buah kumpulan akan memberikan persembahan pada setiap hari Sabtu. Begitu juga dengan persembahan seni silat, wayang kulit, tarian mak yong, tarian asli, rebana kercing dan dikir barat yang akan diadakan pada setiap hari Rabu.

Jelasnya, usaha kerajaan dalam mengadakan hubungan dengan negara Singapura telah berjaya menarik ramai kedatangan pelancong untuk datang melawat negara Malaysia. Buktinya, bilangan pelancong dari Singapura ke Malaysia adalah antara yang paling ramai selain daripada pelancong Jepun, Taiwan, Indonesia, United Kingdom, Australia, China dan Amerika Syarikat.⁸¹

⁷⁷Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Rakyat. Penggal Keempat, Jilid IV Bil 64. 19 Disember 1994, 10363.

⁷⁸Berita Mingguan, *Kempen Untuk Menggalak Orang-Orang Singapura Lawat Kelantan*, 5 Disember 1982, 2

⁷⁹Ibid, 2-3

⁸⁰Berita Harian, *Malaysia, Singapura akan terus bekerjasama*, 15 November 1983, 2.

⁸¹*Laporan Ekonomi Malaysia 1989/90*, (Kuala Lumpur: Menteri Kewangan Malaysia, 1989) 149.

Program Tahun Melawat Malaysia 1990

Bagi meneruskan lagi usaha-usaha pembangunan dan promosi pelancongan serta kejayaan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan, usaha yang lebih gigih perlu dilaksanakan bagi menggalakkan kedatangan pelancong ke negara ini dan di masa yang sama meningkat dan mempelbagaikan tarikan-tarikan pelancongan di negara ini.

Dengan meningkatkan kesedaran masyarakat umum terhadap potensi industri pelancongan, satu usaha baru secara besar-besaran dan menyeluruh perlu diadakan. Salah satu usaha demikian ialah dengan menjadikan tahun 1990 sebagai “Tahun Melawat Malaysia” supaya segala usaha dan tenaga industri pelancongan Malaysia dapat digembeling demi faedah dan kebaikan rakyat dan negara.⁸²

Antara matlamat utama penubuhan Program Tahun Melawat Malaysia 1990 adalah untuk menambah kadar bilangan pelancong ke Malaysia sebanyak sepuluh peratus setahun mulai tahun 1990, menggalakkan pelancong-pelancong tinggal lebih lama dan berbelanja lebih, menggalakkan dan mempopularkan aktiviti-aktiviti kebudayaan dan kesenian Malaysia dan meningkatkan lagi kesedaran rakyat Malaysia terhadap tarikan pelancong negara dan seterusnya menggalakkan mereka melancong di negeri sendiri.⁸³

Antara pencapaian Program Tahun Melawat Malaysia 1990 ialah, jumlah semua pelawat asing yang memasuki Semenanjung Malaysia termasuk Singapura telah bertambah dari 2.5 juta dalam tiga bulan pertama tahun 1989 kepada 3.8 juta dalam tiga bulan pertama tahun 1990.⁸⁴ Ini merupakan peningkatan dengan kadar 53.8 peratus. Seterusnya, pelawat-pelawat Singapura yang memasuki Semenanjung Malaysia melalui tambak Johor berjumlah 1.97 juta dalam tiga bulan pertama tahun 1989 dan meningkat kepada 2.84 juta dalam jangkamasa yang sama tahun 1990.⁸⁵ Selain itu, bilangan semua pelawat ke Semenanjung Malaysia tidak termasuk rakyat Singapura yang datang melalui tambak Johor telah bertambah daripada 529428 juta dalam tiga bulan pertama tahun 1989 kepada 1004032 juta dalam tahun 1990, iaitu dengan kadar pertambahan sebanyak 89.6 peratus.

Mengikut negara asal pelancong-pelancong tersebut, kadar pertambahan yang tinggi ialah pelancong-pelancong dari negara Jepun, Taiwan, Australia, United Kingdom, Jerman Barat, Amerika Syarikat dan Scandinavia. Selain dari pelancong-pelancong Singapura yang dianggarkan sebanyak (109996) pelancong dari Jepun merupakan yang kedua besarnya iaitu seramai (120300) diikuti dengan pelancong-pelancong dari Thailand iaitu (109756), Taiwan seramai (48013), United Kingdom seramai (35698) dan Australia seramai (33701) pelancong.⁸⁶

⁸² *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelapan, Penggal Pertama, Jilid I Bil 18. 8 Januari 1991, 2630.

⁸³ *Nota dari Menteri Kebudayaan dan Pelancongan*. Laporan Suku Tahun Pertama Tahun Melawat Malaysia. (Januari- Mac 1990). Arkib Negara Malaysia. 2.

⁸⁴ *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat. Parlimen Kelapan, Penggal Pertama, Jilid I Bil 18. 8 Januari 1991, 3

⁸⁵ *Ibid*, 7341.

⁸⁶ *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat. Parlimen Kelapan, Penggal Ketiga, Jilid III Bil 4. 3 Mei 1993, 701.

Antara acara yang telah mengetengahkan tradisi dan kebudayaan negara dalam masa tiga bulan pertama tahun 1990 ialah sambutan di semua pintu masuk ke Malaysia ada hari pertama tahun 1990, tradisi rumah terbuka bersempena perayaan Tahun Baru China, perayaan keputeraan DYMM Sultan Kedah dan DYMM Sultan Terengganu, pameran kraftangan di Melaka, Baram Regatta di Kuching dan Pesta Langkawi. Selain itu, antara permainan rakyat yang telah diadakan ialah pertandingan layar luncur di Kuantan, Kejohanan Sepak Takraw Sedunia yang kedua, *Malaysia International Air Race* dan tiga siri pertandingan catur peringkat antarabangsa. Sembilan jenis pameran yang bertemakan kebudayaan, kesenian dan kekayaan alam semulajadi negara ini ialah anjuran Muzium Negara, Arkib Negara, Balai Seni Lukis Negara dan Perpustakaan Negara telah diadakan sebanyak 20 kali di beberapa bandar di seluruh negara.

Maklumbalas telah diterima dari penganjur-penganjur acara, pengusaha-pengusaha hotel dan tempat-tempat pelancongan menunjukkan terdapatnya pertambahan pelancong dan pelawat tempatan sejak dilancarkan Tahun Melawat Malaysia 1990.⁸⁷ Kempen meningkatkan kesedaran rakyat tempatan kepada destinasi-destinasi pelancongan dalam negeri melalui media massa tempatan, pengiklanan dan papan iklan serta sokongan dan kerjasama dari pihak swasta yang telah terlibat telah menambahkan memperkenalkan tempat-tempat menarik di Malaysia untuk dilawati.⁸⁸ Seterusnya, Dalam Rancangan Malaysia Keenam (RMK-6: 1991-1995). Kerajaan sekali lagi telah melancarkan Program Tahun Melawat Malaysia pada tahun 1994. Temanya ialah “Lebih Menarik dalam 94”.⁸⁹ Tambahan, kempen ini telah dilancarkan oleh Dato’ Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 31 Disember 1993.⁹⁰ Melalui program Tahun Melawat Malaysia yang diadakan pada tahun 1994 ini, jumlah kehadiran pelancong dilihat semakin meningkat berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu seramai 1165786 pelancong berbanding tahun 1993 iaitu seramai 956890 pelancong.⁹¹

Jelasnya, kerajaan Malaysia berjaya memajukan industri pelancongan melalui program Tahun Melawat Malaysia pada tahun 1990 tersebut. Buktinya, berlaku peningkatan jumlah kehadiran pelancong dari dalam mahupun luar negara pada tahun 1991 berbanding dengan tahun sebelumnya. Melalui program Tahun Melawat Malaysia ini, para pelancong didedahkan dengan tarikan-tarikan unik dan destinasi pelancongan yang menarik terdapat di negara Malaysia untuk dilawati.

Tuan Rumah Persidangan Persatuan Pelancongan Pasifik (PATA)

Malaysia telah dipilih menjadi tuan rumah bagi Persidangan Persatuan Pelancongan Pasifik (PATA) ke-35 buat kali kedua pada tahun 1986 selepas mencapai kejayaan dalam menganjurkan persidangan PATA kali ke-21 pada tahun 1972 yang lepas.

⁸⁷ Berita Harian, *Empat Juta pelancong matlamat 1990*. 21 Februari 1989. 4.

⁸⁸ Berita Harian, *Azam Lebih Kuat Malaysia untuk Tarik Pelancong*, 29 Disember 1993, 8.

⁸⁹ Buku Rasmi Tahunan Malaysia 1995, Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia, jilid 26. 188.

⁹⁰ Idris Hamzah (editor), *Berita Pelancongan Malaysia*, Kuala Lumpur: Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Bil 66, Feb/Mac 1994. 4.

⁹¹ Kementerian Kewangan Malaysia, *Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000*. (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1996) 546.

Persidangan PATA ke-35 ini telah diadakan pada 9 hingga 16 April 1986 dan bertempat di Kuala Lumpur.⁹² Persidangan PATA ini dilancarkan bagi mewujudkan kerjasama dan perhubungan persahabatan di kalangan negara-negara peserta dan menambah pengetahuan mengenai Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Mengikut rekod pendaftaran, sejumlah 2538 para delegasi telah menyertai persidangan PATA 1986 ini dengan jayanya⁹³

Seterusnya, Persidangan PATA ini telah mendapat sokongan daripada pihak swasta.⁹⁴ Sokongan dapat dilihat apabila pihak swasta turut menyumbangkan peruntukan sebanyak \$2.9 juta untuk menjayakan persidangan ini.⁹⁵ Peruntukan ini disalurkan bagi pelaksanaan beberapa aktiviti dan program yang berkaitan bagi memastikan supaya persidangan PATA berjalan dengan lancar dan seterusnya mampu untuk menarik lebih ramai delegasi ke Persidangan PATA tersebut.⁹⁶ Antara delegasi yang menyertai persidangan PATA ini ialah negara Singapura, Thailand, Jepun dan lain-lain. Bukti kejayaan Persidangan PATA tersebut dapat dilihat apabila berlakunya peningkatan jumlah kehadiran pelancong dari luar dan dalam negara pada tahun 1987 iaitu sebanyak 3358983 juta pelancong, berbanding dengan 3217462 juta pelancong pada tahun 1986. Pertambahan jumlah kehadiran pelancong pada setiap tahun ini merupakan satu kejayaan kepada kerajaan Malaysia untuk terus meningkatkan ekonomi dan pendapatan negara Malaysia.

Kesimpulannya, penganjukan persidangan PATA ke-35 yang telah diadakan di Malaysia pada tahun 1986 ini telah berjaya menarik ramai pelancong dari luar negara untuk datang melancong di negara Malaysia pada tahun 1987. Oleh itu, usaha kerajaan untuk memajukan industri pelancongan di Malaysia berjaya dilakukan melalui penganjukan persidangan PATA tersebut.

Meningkatkan Jaringan Pengangkutan

Kemasukan pelancong ke Malaysia dengan mudah dan cepat merupakan salah satu faktor penting dalam usaha menggalakkan kemasukan pelancong domestik mahupun luar negara untuk melancong di negara Malaysia. Justeru, pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi terus membangunkan industri pelancongan di negara Malaysia ini. Antara usaha yang telah dilakukan ialah, pada tahun 1988 kerajaan telah menambah kekerapan jadual penerbangan MAS (sistem penerbangan Malaysia) ke beberapa destinasi pelancongan yang menjadi pilihan utama pelancong dari dalam mahupun luar untuk melancong ke Malaysia seperti di pulau Tioman, Melaka, Kuala Tahan, Kuala Terengganu,

⁹² *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Keempat, Jilid IV Bil 6. 18 Mac 1986, 887

⁹³ *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat. Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I Bil 29. 17 November 1986, 4068.

⁹⁴ *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat. Parlimen Keenam, Penggal Keempat Jilid IV Bil 10. 24 Mac 1986, 1538

⁹⁵ *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat. Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I Bil 29. 17 November 1986, 4067.

⁹⁶ *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat. Parlimen Keenam. Penggal Keempat, Jilid IV Bil 10. 24 Mac 1986, 1538

Kertih, Pulau Pinang dan Kuantan.⁹⁷ Melalui usaha yang dilakukan oleh kerajaan ini, maka penerbangan pelancong ke destinasi yang ingin dituju akan menjadi lebih cepat dan mudah, terutamanya bagi memenuhi permintaan penumpang yang semakin bertambah pada saban tahun. Maka, usaha yang dibuat oleh kerajaan ini ternyata telah berjaya menarik ramai kehadiran pelancong ke Malaysia pada sekitar tahun tersebut iaitu meningkat daripada 3623636 juta pelancong pada tahun 1988 kepada 4846320 juta pada tahun 1989.⁹⁸

Seterusnya, usaha kerajaan untuk memajukan industri pelancongan di Malaysia juga dapat dilihat apabila pihak kerajaan turut menyediakan kemudahan jaringan pengangkutan ke destinasi-destinasi pelancong yang digemari ramai seperti peranginan pulau Besar di Melaka, Kompleks pelancongan Bersepadu Desaru di Johor dan Kompleks pelancongan Tasik Kenyir di Terengganu.⁹⁹

Melalui kemudahan jaringan pengangkutan yang telah disediakan ini, maka ia turut membantu pelancong yang tidak mempunyai pengangkutan untuk sampai ke sana. Usaha yang dijalankan oleh kerajaan ini merupakan satu inisiatif kerajaan untuk menggalakkan lagi jumlah kedatangan pelancong ke Malaysia. Melalui persekitaran yang bersih, aman dan tenteram, para pelancong akan berasa selesa untuk berada lebih lama di Malaysia. Justeru, pengaliran pertukaran wang asing juga akan bertambah kerana ia melibatkan tempat penginapan, makanan dan pengangkutan yang akan ditanggung oleh para pelancong semasa berada di Malaysia.

Antara usaha lain yang telah dilakukan oleh Kerajaan ialah pada 16 Mei 1999, Kerajaan Perak telah melancarkan kempen publisitinya yang pertama di dalam promosi “Tahun Melawat Perak 2000” (TMP2000). Selain itu, pada 2 Jun 1999 pula, kerajaan Selangor juga telah melancarkan kempen yang serupa dengan Perak iaitu “Tahun Melawat Selangor” (TMS 2000) dan telah memperuntukkan sejumlah RM5 juta bagi tujuan promosi dalam dan luar negara.¹⁰⁰ Sebuah anak syarikat, Tahun Melawat Malaysia telah ditubuhkan bagi membantu kerajaan negeri dalam menjayakan kempen ini. Fokusnya adalah kepada empat bidang iaitu sukan bermotor, permainan golf, sukan rekreasi dan MICE (mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran).¹⁰¹ Seterusnya, di antara 15 Oktober 1999 hingga 17 Oktober 1999, Malaysia telah menganjurkan *Kejohanan Dunia Formula One* iaitu merupakan salah satu acara sukan bermotor yang paling berprestij di dunia.

Pada 20 hingga 22 Oktober 2000, Malaysia sekali lagi menganjurkan acara yang sama dengan jayanya. Di samping itu, kempen-kempen pelancongan “*We did it Sarawak*” dan “*Jom Sarawak*” juga telah berjaya menarik lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara untuk datang melancong ke Sarawak.¹⁰² Dalam usaha menarik pencinta-pencinta golf, Kerajaan dengan kerjasama pihak swasta telah melakukan usaha mempromosikan

⁹⁷ Kementerian Kewangan Malaysia, Rancangan Malaysia Ketujuh 1996/2000, (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1996) 540.

⁹⁸ *Laporan Tahunan Perangkaan Pelancongan. 1990.* 123.

⁹⁹ *Ibid*, 545.

¹⁰⁰ *Laporan Ekonomi 2000/2001.* Kerajaan Kewangan Malaysia. 142.

¹⁰¹ *Ibid*, 142-143.

¹⁰² Kementerian Kewangan Malaysia, Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000, (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1996) 543.

Malaysia sebagai destinasi golf yang utama dengan mengisytiharkan tahun 1999 sebagai “Tahun Golf”.

Selain itu, usaha yang dilakukan oleh kerajaan dalam memajukan industri pelancongan juga adalah dengan memperkenalkan pengecualian sepenuhnya daripada duti import dan cukai jualan ke atas alat-alat kelengkapan yang dibeli dari pengilang tempatan untuk projek-projek pelancongan.¹⁰³ Justeru, Di Bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM7.6 bilion untuk sektor pelancongan dengan objektif untuk menarik seramai 12.5 juta pelancong asing dengan jumlah tukaran asing sebanyak RM15.7 billion.¹⁰⁴

Penutup

Industri pelancongan di Malaysia sentiasa terdedah kepada ancaman. Penularan wabak covid-19, kejadian banjir kilat dan ancaman alam sekitar yang lain contohnya mengugat kerancangan pelancongan beberapa tahun sebelum ini. Perbincangan tentang sejarah pelancongan di dalam makalah ini menunjukkan bahawa industri pelancongan di Malaysia berkembang dengan sokongan yang disediakan oleh kerajaan. Tindakan yang sistematik dan kolektif merupakan asas utama yang menjadi pendukung ketika indutsri berkenaan berhadapan dengan krisis ekoran daripada penularan penyakit, bencana dan krisis dalam negara. Ia menunjukkan bahawa kesiapsiagaan dan kemampuan agensi berkaitan untuk bertindak segera adalah penting dalam memastikan industri pelancongan sentiasa kuat. Selain itu, Malaysia berhadapan dengan saingan dengan negara jiran. Sejarah membuktikan kerjasama dengan negara jiran membuahkan hasil yang besar. Justeru, dalam usaha pemerkasaan pelancongan, kerjasama antrabangsa perlu diberikan perhatian di samping mempelbagaikan bentuk pelancongan demi membolehkan Malaysia muncul sebagai destinasi unik kepada pelancong berbanding negara lain di Asia Tenggara. Pemerkasaan industri pelancongan adalah salah satu daripada usaha yang akan menyumbang kepada keteguhan ekonomi kerana sejarah juga membuktikan bahawa perkembangan pelancongan yang berlaku pada abad ke-20 yang dibincangkan dalam makalah ini membuktikan bahawa banyak sector yang mendapat manfaat dari pelancongan.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada para penilai yang memberikan pandangan bagi proses penambahbaikan makalah ini sehingga ia diterbitkan.

¹⁰³ Kementerian Kewangan Malaysia, Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000, (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1996) 541.

¹⁰⁴ *Ibid*, 540.

Bibliografi

- A.N.A. Anuar & A. Habibah, *Dasar pelancongan di Malaysia: Ke Arah Destinasi Mesra pelancong*, (Selangor: Universiti Teknologi MARA Shah Alam, 2012)
- Amran Hamzah, "Policy and Planning of the Tourism in Malaysia." Proceedings The 6th ADRF (Asian Development Research Forum, General Meeting, Bangkok Thailand, 2001) 1-21.
- Azam Lebih Kuat Malaysia untuk Tarik Pelancong, *Berita Harian*, 29 Disember 1993
- Azizan Marzuki. 2010 Tourism Development in Malaysia, A Review On Federal Government Policies, *Journal Theoretical and Empirical Reseaches in Urban Management*, 5 (8) 85-97.
- Buku Rasmi Tahunan Malaysia, 1995, Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia, Jilid 26
- Clara A. Gunn, *Tourism Planning*, (Tesis Sarjana Muda Universiti Malaya, 1995)
- Empat Juta pelancong matlamat 1990. *Berita Harian* 21 Februari 1989.
- Firma urus pelancong ke Malaysia, *Berita Harian*, 20 May 1985
- Habibah Lehar, *Ekonomi Malaysia: Pembangunan Ekonomi*, (Biroteks UITM Shah Alam, 1998)
- Idris Hamzah (editor), *Berita Pelancongan Malaysia*. (Kuala Lumpur: Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Bil 66. Feb/Mac 1994)
- Kementerian Kewangan Malaysia, Rancangan Malaysia Kedua 1971-1976, (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1971)
- Kementerian Kewangan Malaysia, Rancangan Malaysia Keempat 1981 - 1985, (Kuala Lumpur. Jabatan Percetakan Negara, 1986)
- Kementerian Kewangan Malaysia, Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995 (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1991)
- Kementerian Kewangan Malaysia, Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005, (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 2001)
- Kementerian Kewangan Malaysia, Rancangan Malaysia Kelima 1986 - 1990, (Kuala Lumpur. Jabatan Percetakan Negara, 1986)
- Kementerian Kewangan Malaysia, Rancangan Malaysia Kesepuluh 2010-2015, (Kuala Lumpur: Jabatan percetakan Negara, 2010) 370.
- Kementerian Kewangan Malaysia, Rancangan Malaysia Ketujuh 1996/2000, (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1996)
- Kempen Untuk Menggalak Orang-Orang Singapura Lawat Kelantan, *Berita Mingguan*, 5 Disember 1982,
- Khoo Kay Kim, *An Outline History of Culture of Tourism in Malaysia from Culture to Nature*, (Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1990)
- Laporan Ekonomi 1989/90, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia, 1989)
- Laporan Ekonomi 2000/2001. Kerajaan Kewangan Malaysia.
- Laporan Panel Penasihat Pembangunan Pelancongan di Malaysia, 1976
- Laporan Penggalakan Pelancongan Malaysia 1990
- Laporan Tahunan Perangkaan Pelancongan. 1990.
- Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan dan Penggalakan Pelancongan Kebangsaan. Bil 2/97, 1997

- Mohd Yusof Kasim, Md. Zyadi Md. Tahir, *Ekonomi Malaysia Beberapa Isu Utama Edisi Kedua*, (Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1994)
- Muhamad Faris Dziauddin, Nazirah Lee, Muriza Mustafa. 2012. Management in Maintaining A Heritage Site in the City of Ipoh, Perak. *Malaysian Journal of Environmental Management*. 13(1), 55-67
- Nazirah Lee. et.al. 2021. Mukim Slim: Tapak pelancongan bersejarah di Perak. GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space 17 (2), 191-205
- Nota dari Menteri Kebudayaan dan Pelancongan*. Laporan Suku Tahun Pertama Tahun Melawat Malaysia. (Januari- Mac 1990). Arkib Negara Malaysia
- Pelancongan Malaysia, Singapura akan terus kerjasama, *Berita Harian*, 15 November 1983.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III Bil 16. 20 Jun 1989
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Keempat, Jilid IV Bil 6. 18 Mac 1986
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelapan, Penggal Pertama, Jilid I Bil 18. 8 Januari 1991
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh Penggal Kedua, Jilid II No 12, 5 Januari 1961
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Kedua, Jilid II Bil 3. 10 Mac 1988,
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Kedua, Jilid II Bil 3. 10 Mac 1998.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat. Parlimen Keenam, Penggal Keempat Jilid IV Bil 10. 24 Mac 1986,
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat. Parlimen Keenam. Penggal Keempat, Jilid IV Bil 10. 24 Mac 1986
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat. Parlimen Kelapan, Penggal Ketiga, Jilid III Bil 4. 3 Mei 1993
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat. Parlimen Kelapan, Penggal Pertama, Jilid I Bil 18. 8 Jan 1991
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat. Parlimen Ketujuh, Penggal Kedua, Jilid II Bil.3. 10 Mac 1988
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat. Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I Bil 29. 17 November 1986
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat. Penggal Keempat, Jilid IV Bil 64. 19 Disember 1994, 10363.
- Sejarah Pentabiran Kementerian Lembaga Penggalakan Pelancongan*. Arkib Negara Malaysia, 1992
- Siti Zahrah et. Al. 2024. Maxwell Hill: A European -Style Hill Station Tourism Destination in British Malaya. *JATI-Journal of Southeast Asian Studies* 29 (2).Hlm. 219-246
- Strategi Kementerian Pelancongan Menarik Pelancongan ke Malaysia di capai atas talian <https://kementerianpelancongan.com/strategi-kementerian-pelancongan-menarik-pelancong-ke-malaysia/>

Sulong Mohamad, Habibah Ahmad, *Pelancongan Malaysia: Isu pembangunan, budaya, komuniti dan Persempatan*, (Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2008)
Usaha Singapura-KL Tarik pelancong AS. *Berita Harian*, 1 Julai 1987, 10.